

TUMPUAN: in Tropicana Twister kukuhkan semangat prihatin, bantu komuniti memerlukan Dr Akmal mengaku tic

NASIONAL

Akauntan Negara dilantik Profesor Adjung UiTM

⌚ 20 Ogos 2025, 3:08pm

30
Shares

Share

Tweet

Share

Email

TUMPUAN: In Tropicana Twister kukuhkan semangat prihatin, bantu komuniti memerlukan Dr Akmal mengaku tic




Foto: Kredit UiTM

KUALA LUMPUR: Akauntan Negara, Datuk Nor Yati Ahmad dilantik sebagai Profesor Adjung Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Fakulti Perakaunan.

Pelantikan itu satu pengiktirafan tertinggi kepada tokoh yang telah banyak menyumbang kepada bidang perakaunan sektor awam dan reformasi kewangan negara.

Dalam ucapan sulungnya, Nor Yati menyatakan bahawa pelantikan itu bukan sekadar satu penghormatan peribadi, tetapi amanah strategik yang mencerminkan kepentingan kolaborasi antara institusi pelaksana dasar dan institusi ilmu.

"Sebagai Akauntan Negara, saya memahami betapa pentingnya kerjasama antara institusi pendidikan dan agensi pelaksana.

"UiTM dan JANM berkongsi visi untuk melahirkan akauntan profesional yang kompeten, berintegriti dan berjiwa rakyat," ujar beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau turut menekankan bahawa kejayaan dalam pentadbiran dan transformasi sistem kewangan negara tidak dicapai secara individu, tetapi melalui jaringan kepercayaan dan kolaborasi.

Sejak mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam, daripada pengurusan akaun kerajaan sehingga kepada inisiatif reformasi kewangan digital, beliau melihat peranan institusi seperti UiTM sebagai pelantar masa depan negara.

"Saya amat bersyukur diberi ruang oleh UiTM untuk menyumbang bukan sahaja melalui ceramah, tetapi juga perbincangan dasar, pemetaan kurikulum dan bimbingan pelajar.

"UiTM bukan sekadar universiti, ia adalah pelantar masa depan negara. JANM pula adalah nadi pengurusan amanah rakyat," katanya lagi.

Pada masa yang sama, beliau turut menyifatkan kerjasama strategik yang berasaskan tindakan bersama dan akauntabiliti kolektif sebagai kunci kepada kejayaan jangka panjang, terutamanya dalam menghadapi

TUMPUAN: in Tropicana Twister kukuhkan semangat prihatin, bantu komuniti memerlukan Dr Akmal mengaku tic tanggungjawab korporat sosial (CSR) yang menyantuni komuniti dan kerjasama penyelidikan isu-isu semasa sektor awam dan swasta.,

Ia turut merangkumi·penyertaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui perkongsian pengalaman praktikal serta pembangunan penyelesaian digital dan dasar inovatif hasil kolaborasi bersama.

Nor Yati juga berharap berharap pelantikannya akan membuka lebih banyak ruang untuk penyelidikan yang relevan, peningkatan keupayaan digital dalam pengajaran kewangan Kerajaan dan yang paling penting, melahirkan graduan yang bukan sahaja bersedia untuk bekerja, tetapi juga untuk memimpin.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL

Jenayah scam perlu ada ketetapan undang-undang, permudah proses pendakwaan

⌚ 01 Ogos 2025, 9:00pm



NASIONAL

[VIDEO] Mangsa 'job scam' bukan semua dipaksa, ada yang rela

⌚ 01 Ogos 2025, 8:26pm



NASIONAL

Kes 'scammer' di Sarawak meningkat, kerugian cecah RM77.7 Juta



NASIONAL

Perangkap 'teman-teman' taktik baharu scammer